

27 SEP 1996

Pencen

CUEPACS RAYU PM TIMBANG SEGERA SOAL PENCEN TANPA HAD

KANGAR, 27 Sept (Bernama) -- Cuepacs sekali lagi merayu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengkaji semula memorandum yang dikemukakan berhubung soal tempoh kadar pencen tanpa had perkhidmatan.

Timbalan Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan berkata memorandum yang dihantar kepada Dr Mahathir pada 1994 dan dipersetujui oleh kerajaan itu kemudian ditarik balik dalam pelarasan gaji pada awal tahun ini kerana bercanggah dengan Akta Pencen 1980.

"Sehingga ke hari ini rayuan Cuepacs supaya kerajaan mengkaji balik perkara itu masih dalam kajian Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian persidangan perwakilan dwi tahunan Kesatuan Penolong Jururawat Semenanjung Malaysia di Kangar Travelodge di sini hari ini.

Beliau berkata rayuan Cuepacs supaya dikekalkan tempoh kadar pencen tanpa had perkhidmatan ialah bagi mengelakkan kekecewaan di kalangan anggota perkhidmatan awam yang pada mulanya mendapat tahu mengenai perkara itu tetapi kemudiannya ditarik balik.

Sekarang pencen hanya diberi bagi perkhidmatan selama 25 tahun atau separuh gaji terakhir seseorang pekerja berbanding pencen tanpa had yang akan dibayar berdasarkan kepada jumlah tahun perkhidmatan mereka, katanya.

Beliau berkata sekiranya rayuan itu diterima ia akan membabitkan kira-kira 200,000 orang kakitangan kerajaan yang telah bersara.

Sehubungan itu Cuepacs amat berharap Perdana Menteri memberi pertimbangan yang sewajarnya atas perkara itu, katanya.

Abdul Rahman juga berkata, Cuepacs yang dianggotai kira-kira 250,000 orang kakitangan awam akan terus berunding dengan kerajaan supaya dihapuskan sistem gaji matriks yang disifatkan tidak begitu adil untuk semua pekerja.

Terdahulu Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dalam teks perasmian yang dibacakan Pengarah Kesihatan Negeri Perlis, Datuk Dr Faisal Ibrahim menyarankan pemimpin kesatuan yang mewakili kepentingan profesional mengutarakan nilai-nilai budaya kerja Kementerian Kesihatan yang berteraskan nilai penyayang, berpasukan dan profesionalisme.

Siti Zaharah berkata, kementerian telah mengambil tindakan wajar memberi peluang kepada penolong jururawat mengikuti program peralihan melalui pendidikan jarak jauh untuk meningkatkan taraf mereka.

"Daripada 9,534 orang penolong jururawat yang bertugas di Kementerian Kesihatan, seramai 5,352 orang atau 56.2 peratus mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala 4,172 orang lagi atau 43.8 peratus tidak mempunyai kelayakan SPM," katanya.

-- BERNAMA

IQ AHH